

Abu Azam terima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Kimia

UM (Mn Neg.) Had 29/9

KUANTAN
28 Sept. -
Prof. Emeritus
Datuk Dr.
Abu Azam
Md. Yassin
akan di-



anugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Kimia sempena Majlis Konvokesyen Ke-8 Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang berlangsung selama dua hari bermula 5 Oktober ini di kampus Gambang universiti itu di sini.

Beliau yang merupakan Rektor pertama Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (Kuktem) yang kini dikenali sebagai UMP akan menerima anugerah itu

yang akan disampaikan oleh Canselor universiti itu, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata,

pernganugerahan itu sebagai mengiktiraf sumbangan beliau yang tidak pernah terhenti terhadap pembangunan ekonomi terutama bumiputera, pendidikan dan industri petroleum.

"Pengurniaan tersebut juga sebagai menghargai dedikasi dan khidmat cemerlang beliau sebagai Rektor pertama Kuktem yang kini dikenali sebagai UMP. Beliau telah menyediakan asas dan landasan kukuh terhadap universiti ini untuk bergerak maju ke hadapan dalam memacu pengajian tinggi di negara ini.

"Beliau kini merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah bagi Kolej Darul Naim dan aktif dalam aktiviti sukarelawan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bersama Haluan Malaysia khususnya dalam memberi bantuan pendidikan serta kebajikan kepada umat Islam sehingga ke peringkat antarabangsa," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, menurut Daing Nasir, sebanyak 2,095 graduan bakal menerima ijazah dan diploma masing-masing pada majlis tersebut yang kali kedua akhbar *Utusan Malaysia* dilantik sebagai media rasmi.

"Majlis konvokesyen itu akan berlangsung dalam tiga sesi ini melibatkan sebanyak 20 graduan doktor falsafah (PhD), 63 graduan sarjana, 1,483 graduan sarjana muda dan 529 graduan diploma membabitkan lapan fakulti serta tiga pusat pengajian," ujarnya.

Jelasnya, daripada jumlah tersebut, sebanyak 83 graduan melibatkan Institut Pengajian Siswazah diikuti Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (119), Fakulti Sains dan Teknologi Industri (106), Fakulti Teknologi (139) dan Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (203) berlangsung pada sesi pertama.

Tambahnya, Tengku Abdullah akan merencam duli mengurniakan ijazah kepada graduan pada sesi pertama.

"Konvokesyen kali ini juga mencatat sejarah apabila sebanyak 18 graduan antarabangsa yang mengikuti pengajian prasiswazah turut sama pada kali ini," ujarnya.

Dalam pada itu, katanya, sebanyak 13 graduan bakal menerima anugerah dan hadiah akademik melibatkan Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang), Anugerah Canselor, Anugerah Emas Universiti dan Anugerah Yayasan Pahang.

"Bagi hadiah akademik adalah Hadiah Industri Kecemerlangan HeiTech, Hadiah Kecemerlangan I. Kee Book Hee, Hadiah Kecemerlangan Sapura Industrial Berhad, Hadiah Srikandi Matahari, Hadiah Industri Telekom Malaysia Berhad dan Hadiah Kecemerlangan Perodua," katanya.



ABU AZAM MD. YASSIN